

TARIKH	SELASA, 29 NOVEMBER 2022
AKHBAR	HARIAN METRO
TAJUK ARTIKEL	3 BULAN HIDU BAU BUSUK, LOYA
M/S	23
BIDANG	ENVIRONMENT
KATA KUNCI	ENVIRONMENT

Harian Metro | Selasa 29.11.2022

@hmetromy f HarianMetro t @hmetromy www.hmetro.com.my 23

lokal

3 bulan hidu bau busuk, loya

Penduduk Taman Puncak Jalil tak tahan tapak pelupusan sampah haram hanya 4km dari perumahan

Oleh Raja Noraina
Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my

Subang Jaya

Busuk dan meloyakan. Itu situasi yang dialami oleh penduduk Taman Puncak Jalil di sini, saban hari sejak tiga bulan lalu.

Kedadaan bau kurang menyenangkan itu dipercayai berpunca daripada tapak pelupusan sampah haram yang terletak kira-kira antara empat hingga lima kilometer dari kawasan perumahan berkenaan.

Lebih memburukkan keadaan apabila difahamkan air sisa buangan itu turut meresap ke dalam kolam takungan di tapak pelupusan berkenaan menyebabkan air bertukar warna dan berbau busuk.

Pengerusi Persatuan Penduduk Taman Puncak Jalil, Zainuddin Zainal berkata, bau busuk itu terpaksa dihidu penduduk sekitar hampir setiap hari.

Menurutnya, masalah itu sudah berlarutan sejak beberapa bulan lalu hingga menyebabkan kehidupan penduduk terganggu.

"Kami sudah tidak tahan dengan bau busuk yang datang dari bahan buangan itu (sampah-sarap) terutama pada waktu malam.

"Tapak pelupusan itu terletak di Bukit Serdang dan berada dalam tanah persendirian yang dikawal ketat oleh pekerja. Tempatnya pula berhampiran Taman Puncak Jalil yang mempunyai kira-kira 9,000 rumah.

"Saya difahamkan, terdapat kolam takungan di dalamnya yang menyebabkan air sampah mengalir dan menyerap sehingga mengeluarkan bau sangat busuk," katanya.

Zainuddin mendakwa, dia bersama penduduk sudah membuat aduan mengenai masalah itu kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) beberapa kali sejak dua bulan lalu dan terakhir pada 4 November lalu.

Beliau turut mengakui pihak berkenaan bersama beberapa agensi berkaitan sudah membuat pemeriksaan di lokasi, namun sehingga kini tiada tindakan diambil.

Katanya, berdasarkan maklumat, tapak berkenaan sudah disita tetapi dilihat kembali beroperasi beberapa hari kemudian.

"Kami melancarkan petisyen yang ditandatangani hampir 2,000 penduduk sebelum diserahkan kepada pihak berwajib dan berharap masalah ini dapat diatasi.

"Pihak berwajib perlu mengambil tindakan tegas kerana ia menyebabkan pen-

"**Kami sudah tidak tahan dengan bau busuk terutama pada waktu malam**"
Zainuddin Zainal



KOLAM berbau busuk yang dihadapi penduduk Taman Puncak Jalil. Gambar kecil, lokasi tapak pelupusan sampah haram menyebabkan air resapan sampah berbau busuk serta mencemarkan sungai di Bukit Serdang, Puchong. - Gambar NSTP/ASYRAF HAMZAH

cemaran bau serta rasa tidak selesa penduduk," katanya.

Sementara itu, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) dalam kenyataan di Facebook pada 14 November lalu memaklumkan sudah membuat lawatan ke tapak pe-

lupusan haram yang menyebabkan bau busuk serta pencemaran sungai di Bukit Serdang, Puchong.

Menurut kenyataan itu, lawatan diketuai Ketua Setiausaha Kementerian Alam Sekitar dan Air, Datuk Seri Zai-

ni Ujang bersama Ketua Pengarah JPS, Datuk Dr Md Nasir Md Noh; wakil Jabatan Alam Sekitar (JAS); Lembaga Urus Air Selangor (LUAS); Majlis Bandaraya Subang Jaya (MBSJ) serta Pejabat Tanah dan Galian Daerah Pe-

taling. Dalam pada itu, jurucakap MBSJ ketika dihubungi, semalam memberitahu pihaknya akan menyemak status terkini kes berkenaan dan memaklumkan tindakan lanjut.

DISEDIAKAN
OLEH

1-NOR SURIANI BINTI MOHD ZIN (S44), BPM
2-CARLOS LINTON (S19), BPM
UNIT PERPUSTAKAAN, BPM